

03 JUL 1996

Ramli-Usahawan

PERAK BENTUK JAWATANKUASA PERHUBUNGAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Kerajaan Perak hari ini membentuk satu jawatankuasa perhubungan pembangunan usahawan peringkat negeri bagi mengesan dan menyelaras pelbagai program pembangunan usahawan di negeri itu, kata Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Menurut beliau, jawatankuasa itu bertanggungjawab mengesan dan menyelaras program pembangunan usahawan di pelbagai sektor, berkongsi pengalaman dan kepakaran, menyelaras pelan tindakan negeri dan kerajaan pusat serta menilai keberkesanan program yang telah dilaksanakan.

Ramli berkata, beliau sendiri mempengerusikan jawatankuasa itu yang akan memberi penekanan kepada bidang perusahaan yang berpotensi untuk disertai usahawan tempatan.

Jawatankuasa itu antara lain terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan Negeri, Datuk Junus Wahid, Pejabat Kemajuan Negeri, Pejabat Tanah dan Galian, Mara, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak, Dewan Perniagaan Melayu dan Unit Perancang Ekonomi Negeri, sebagai urusetia, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Turut dibentuk ialah jawatankuasa kerja yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Habib Mansur dan sebuah lagi jawatankuasa bertindak yang diketuai oleh ketua-ketua jabatan bagi melaksana program itu sehingga ke peringkat daerah.

Ramli berkata, jawatankuasa bertindak itu juga berperanan melaporkan kemajuan program kepada jawatankuasa kerja dan jawatankuasa induk selain mengesan masalah dan rintangan dalam melaksanakan program pembangunan usahawan terbabit.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga meluluskan pinjaman RM5 juta kepada Yayasan Perak bagi membolehkannya menyertai konsortium bagi membina Kolej Perubatan Asean di sini.

Suci Teguh Sdn Bhd yang dibentuk bagi membina dan mengurus kolej itu terdiri daripada Gopeng Bhd, Paramount Corporation, VXZ Holdings dan Yayasan Perak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara pecah tanah pembinaan kolej berharga antara RM40 dan 45 juta itu petang esok.

Ramli berkata, kerajaan negeri juga meluluskan projek menaikkan taraf jalan Bagan Serai-Alor Pongsu-Selama, sepanjang 40 km, membabitkan kos hampir RM135 juta.

Kerajaan Negeri akan mengemukakan permohonan kepada kerajaan pusat untuk menjadikan jalan itu sebagai Jalan Persekutuan bagi mendapatkan pembiayaan, kata beliau.

Kerajaan Negeri juga meluluskan geran RM1.25 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) bagi membiayai operasinya untuk tempoh lima tahun sebagai tambahan kepada RM500,000 yang diluluskan sebelum ini.

Ramli berkata, AIM sehingga Disember lepas memberi pinjaman modal perniagaan atau perusahaan kepada 2,069 kumpulan membabitkan 4,313 keluarga di negeri itu.

-- BERNAMA

LAT PR